

Pelajar perlu bijak bahagikan masa ketika di universiti

Bijak bahagi masa

KUALA TERENGGANU - Budaya pembelajaran di universiti jauh berbeza berbanding pendidikan peringkat menengah kerana pelajar bertanggungjawab menentukan disiplin masa untuk mencapai keputusan cemerlang.

SH 13/03/08
Pg. T19



SULAIMAN MD. YASSIN

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin, berkata pelajar di universiti hanya mempunyai tempoh 14 minggu sahaja bagi satu semester untuk mengulang kaji pelajaran.

"Masa mereka tidak begitu lama kerana pembelajaran di universiti tidak sama dengan peringkat menengah dan ada pelajar yang perlu masuk kuliah tiga kali seminggu sahaja.

"Guna masa dengan sebaiknya untuk mencapai kejayaan kerana pelajar mempunyai masa yang singkat dalam tempoh kira-kira 28 minggu sahaja dalam setahun," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Dr. Sulaiman memberitahu, kejayaan di peringkat menengah turut membantu mendapat kecemerlangan di universiti kerana motivasi diri mereka lebih tinggi berbanding yang kurang cemerlang.

Bagaimanapun, katanya, tiada alasan seseorang pelajar tidak boleh cemerlang sekiranya masa diuruskan dengan teratur selain menggunakan sepenuhnya kemudahan pendidikan di universiti.

"Di UMT, selain kuliah, terdapat sokongan lain yang membantu meningkatkan prestasi pembelajaran iaitu melalui sumber sedia ada seperti internet, nota kuliah, e-kuliah, perpustakaan. Kemudahan ini merupakan 'back-up' pendidikan untuk mereka di universiti," jelasnya.

Jelasnya, bagi mengelakkan pelajar tidak mengalami kejutan budaya pendidikan, pihaknya turut memperjelaskan lebih awal melalui program orientasi supaya mereka bersedia menghadapi pendidikan alam baru dengan sebaiknya.

“Di UMT, selain kuliah, terdapat sokongan lain yang membantu meningkatkan prestasi pembelajaran iaitu melalui sumber sedia ada seperti internet, nota kuliah, e-kuliah, perpustakaan. Kemudahan ini merupakan 'back-up' pendidikan untuk mereka di universiti.”

■ Sulaiman Md. Yassin